



**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)**

Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88817 Kota Kinabalu, Sabah.  
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541  
Laman Web: [www.sabah.gov.my/mlgh](http://www.sabah.gov.my/mlgh)



Rujukan: KKT&P: 100-4/5/1( 56 )

27 Oktober 2021

Pengurus Besar,  
Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB)

Presiden Majlis Perbandaran Tawau dan Sandakan

Pegawai Eksekutif, Lembaga Bandaran Kudat,

Semua,  
Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), SABAH

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.2/2021 - TARIKH TERAKHIR PENERIMAAN  
TUNTUTAN BAYARAN GERAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2021 (PERBEKALAN  
DAN PEMBANGUNAN) YANG DIPROSES OLEH JABATAN BENDAHARI NEGERI  
SABAH**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) tarikh akhir penerimaan tuntutan bayaran Geran Kerajaan Negeri oleh Kementerian ini untuk menyediakan baucar bayaran yang akan diproses oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

**2. KAEDAH PELAKSANAAN**

- 2.1 Untuk memastikan masa yang mencukupi untuk pemprosesan tuntutan bayaran di Peringkat Kementerian ini dan Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil.6/2021 dipatuhi, tarikh akhir adalah yang ditetapkan seperti di bawah untuk Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar serta semua PBT mengemukakan tuntutan bayaran Geran Kerajaan Negeri:

**Perbelanjaan yang melibatkan - 29hb. November 2021**  
**perbelanjaan bulan November**

**Perbelanjaan yang melibatkan - 09hb. Disember 2021**  
**Perbelanjaan bulan Disember**

- 2.2 Tuntutan bayaran yang diserahkan **selepas** tarikh **tutup** tidak akan **diterima untuk diproses**. LPPB dan PBT adalah bertanggungjawab membuat bayaran berkenaan dari kewangan sendiri.

2/...

**“SABAH MAJU JAYA”**

**muka surat - 2 -**

KKT&P: 100-4/5/1(56)

27 Oktober 2021

---

- 2.3 Adalah diharapkan bilangan tuntutan bayaran yang hendak dikemukakan pada tarikh terakhir penerimaan tuntutan bayaran dapat dikurangkan supaya tidak membebankan Kementerian ini.
- 2.4 LPPB dan PBT adalah dinasihatkan lebih berhati-hati sewaktu menyediakan tuntutan bayaran supaya teguran kesilapan dari Kementerian ini dapat dielakkan.

### 3. PENUTUP

- 3.1 Kerjasama semua pihak berkaitan dengan Surat Pekeliling ini amatlah dihargai.
- 3.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan tentang Surat Pekeliling ini, sila berhubung dengan Bahagian Akaun atau Ketua Akauntan, Encik Nicolas P. Pisol atau Akauntan, Pn. Haszpalaila W. Hassan melalui No. Telefon: 088-255461/436327.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**\*BERKHIDMAT UNTUK NEGARA\***



**[DATUK Dr. JAMILI NAIS]**

Setiasaha Tetap